



PDPR: BAHASA MELAYU TINGKATAN 4

TEMA	Merealisasikan Impian
TAJUK	Kitalah Juara!
KEMAHIRAN	Mendengar dan Bertutur
STANDARD KANDUNGAN	1.1 Mendengar, mengenal dan menyebut perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan serta intonasi ayat dalam pelbagai ujaran.
STANDARD PEMBELAJARAN	1.1.1 Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan sebutan perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan jelas dan betul.




NAMA:

Arahan: Dengar petikan dengan teliti. Kemudian lengkapkan petikan dengan perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan yang betul.

Datuk Lee Chong Wei merupakan antara [1] kejayaan Malaysia. Beliau merupakan pemain badminton kebangsaan yang telah [2] dalam [3] sukan badminton dalam masa yang begitu singkat. Beliau pernah [4] pingat perak di temasya Sukan Olimpik 2008. Kejayaan ini menjadikan beliau rakyat Malaysia pertama yang layak ke pusingan akhir acara perseorangan lelaki sekali gus menamatkan kemarau pingat Olimpik Malaysia sejak tahun 1996. Hal ini sangat membanggakan rakyat Malaysia dan beliau dianggap sebagai [5].

Pada zaman kanak-kanak, Datuk Lee Chong Wei [6] bola keranjang namun dilarang oleh ibunya kerana beliau terpaksa bermain di luar gelanggang yang panas. Datuk Lee Chong Wei mula [7] badminton pada usia 11 tahun apabila beliau dibawa ke gelanggang badminton oleh ayahnya yang amat meminati permainan ini. Bermula dari situlah beliau berlatih dengan bersungguh-sungguh dan bakatnya telah [8] seorang jurulatih tempatan. Jurulatih itu [9] daripada bapa Datuk Lee Chong Wei untuk melatih beliau bermain badminton.





PDPR: BAHASA MELAYU TINGKATAN 4

Pada usia 17 tahun, Datuk Lee Chong Wei didaftarkan dalam pasukan badminton Malaysia oleh Misbun Sidek. Pada tahun 2004, beliau berjaya [10] terawalnya di Terbuka China Taipei. Datuk Lee Chong Wei kemudiannya merangkul tiga kejuaraan daripada enam pusingan akhir pada tahun 2006. Beliau turut menjuarai Terbuka Switzerland, Kejohanan Badminton Asia dan Terbuka Malaysia. Datuk Lee Chong Wei mencapai kedudukan teratas sebanyak dua kali dalam ranking dunia Persekutuan Badminton Dunia pada tahun 2006, sekali gus menyertai Kejohanan Dunia sebagai [11] . Sepanjang kerjayanya, Datuk Lee Chong Wei telah [12] pemain-pemain badminton dunia termasuklah pemain nombor satu dunia, iaitu Lin Dan dari China.

Malaysia dikurniakan [13] yang berbakat dalam bidang sukan badminton dan Datuk Lee Chong Wei akan terus menjadi [14] serta [15] kepada generasi baharu.

